



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KHUTBAH JUM'AT

TAJUK: "TOLERANSI MENGUKUHKAN PERPADUAN"

TARIKH: 13 SEPTEMBER 2019 / 13 MUHARRAM 1441

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ
قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ءَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا
تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

(Surah al-Maidah: 8)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷻ,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah ﷻ dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala tegahan-Nya agar kita beroleh kemenangan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Nikmat Islam yang kita kecapai selama ini, seharusnya disyukuri dengan meningkatkan amal ibadah bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Maha Pencipta lagi Maha Berkuasa serta mengeratkan hubungan kita sesama manusia.

Firman Allah ﷻ dalam surah Ali 'Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya: *Dan berpegang teguhlah kamu semua pada agama Allah, dan janganlah berpecah belah.*

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“TOLERANSI MENGUKUHKAN PERPADUAN”**.

SIDANG JUM'AT YANG DIMULIAKAN,

Islam menggalakkan umat manusia supaya sentiasa mewujudkan perpaduan dalam masyarakat dan negara. Perpaduan merupakan nilai dalaman yang penting untuk menghadapi rintangan serta pelbagai cabaran dari luar. Masyarakat pelbagai agama dan bangsa hendaklah bertoleransi antara satu sama lain.

Demi menjamin kelangsungan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, satu persetujuan telah dicapai antara kaum Melayu,

Cina dan India semasa mewujudkan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Persetujuan ini dikenali sebagai Kontrak Sosial 1948 yang memberi hak kewarganegaraan kepada semua kaum dan menjamin hak keistimewaan orang Melayu. Di samping itu, kaum lain boleh mengamalkan kepercayaan masing-masing dengan aman.

Perpaduan hanya boleh dicapai seandainya seluruh rakyat memahami Kontrak Sosial yang menjadi teras dalam kehidupan bermasyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Allah ﷻ berfirman dalam surah al-Maidah ayat 8:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوّٰمِيْنَ لِلّٰهِ شُهَدَآءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ
قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْا ۗ اَعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۗ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا
تَعْمَلُوْنَ

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Nabi Muhammad ﷺ telah membawa pendekatan terbaik dalam mewujudkan perpaduan antara masyarakat. Menerusi Piagam Madinah, Baginda telah menetapkan semua penduduk Madinah agar menyayangi dan menghormati bumi Madinah.

Sejarah juga merakamkan pada zaman khalifah Umar bin al-Khattab رضي الله عنه, kerajaan Islam amat kuat dan berkembang begitu pesat. Antara faktor kejayaan pemerintahan Islam adalah kerana penghayatan terhadap prinsip “*al-adlu wal-ihsan*”. Prinsip ini menekankan konsep keadilan dan kasih sayang dalam kalangan umat manusia sebagaimana firman Allah ﷻ dalam surah an-Nahl, ayat 90:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.*

SIDANG JUM'AT YANG BERBAHAGIA,

Perbezaan agama, bangsa dan budaya bukanlah penghalang terjalannya kerukunan dan kedamaian antara sesama manusia. Meskipun kita bergaul dengan orang yang berbeza kepercayaan dan keyakinan, kedamaian hidup tetap menjadi keutamaan.

Amalkanlah sikap toleransi antara masyarakat dengan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Sekiranya menghadapi masalah, semua pihak harus memilih jalan perundingan dalam menyelesaikannya dan bukannya memilih jalan konfrontasi serta bertindak luar batas kemanusiaan seperti melakukan keganasan dan rusuhan.

Sesungguhnya kesucian agama dan maruah umat Islam pasti dipandang tinggi dan dihormati jika umat Islam terus mengukuhkan perpaduan dan sentiasa bersatu dalam menangani sebarang ancaman terhadap agama dan ummah.

SIDANG *JUM'AT* YANG DIRAHMATI ALLAH ﷻ,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, antara kesimpulan yang boleh diambil ialah:

1. Islam menggalakkan umat manusia sentiasa mewujudkan perpaduan dalam masyarakat dan negara dengan bersikap toleransi.
2. Piagam Madinah merupakan contoh terbaik untuk mewujudkan masyarakat yang bertoleransi dan saling menghormati antara satu sama lain.
3. Perbezaan agama, bangsa dan budaya bukanlah penghalang terjalannya kerukunan dan kedamaian antara sesama manusia.

Firman Allah ﷻ dalam surah al-An'am ayat 108:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا
لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: Dan janganlah kamu mencerca mereka yang menyembah selain Allah, kerana kelak mereka akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan setiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat mereka kembali, lalu Dia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .